

## UNTUK SIARAN SEGERA

### CAGAMAS DAN BANK SIMPANAN NASIONAL BEKERJASAMA DALAM URUS NIAGA RUMAH MAMPU MILIK BERNILAI RM500 JUTA

**Kuala Lumpur, 30 November 2023** – Cagamas Berhad ("Cagamas" atau "Syarikat"), Perbadanan Cagaran Malaysia, dan Bank Simpanan Nasional ("BSN" atau "Bank") hari ini mengumumkan jalinan urus niaga perumahan mampu milik bernilai RM500 juta. Urus niaga ini dibiayai menerusi penerbitan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab Sosial ASEAN ("Sukuk SRI") pelbagai tempoh Cagamas, yang terdiri daripada Sukuk SRI 1-tahun bernilai RM150 juta, Sukuk SRI 2-tahun bernilai RM100 juta dan Sukuk SRI 3-tahun bernilai RM250 juta, yang diterbitkan di bawah Program RM60 bilion Cagamas bagi Nota Jangka Sederhana Konvensional dan Nota Jangka Sederhana Islam ("Program CMTN/IMTN").

Komitmen BSN sebanyak RM500 juta akan digunakan secara strategik bagi menyokong inisiatif perumahan mampu milik, terutamanya daripada aspek pembiayaan. Peruntukan strategik ini sejajar dengan visi BSN untuk memupuk perubahan dan sumbangan sosial yang positif, serta dedikasinya terhadap inisiatif kemampunan.

"BSN sedar akan peranan penting yang dimainkan oleh institusi kewangan dalam menangani cabaran yang dihadapi masyarakat, terutamanya untuk memiliki rumah. Komitmen kami terhadap pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab membuktikan dedikasi dan sokongan kami terhadap pembangunan perumahan mampu milik. Kami percaya bahawa inisiatif ini akan menyumbang kepada masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan untuk semua," kata **Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN**.

**Kameel Abdul Halim, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas** berkata, "Kerjasama dengan BSN membuktikan komitmen kami bagi memudahkan rakyat Malaysia untuk memiliki rumah sendiri. Akses kepada perumahan mampu milik adalah komponen penting dalam Matlamat Kemampunan Cagamas, dan kami sangat berbangga untuk bekerjasama dengan BSN bagi mencapai matlamat ini."

"Cagamas kekal komited untuk menyokong industri kewangan dalam agenda kemampunan mereka dengan menggerakkan pembiayaan pasaran modal untuk inisiatif berkaitan kemampunan," tambah Kameel lagi.

Urus niaga pembiayaan rumah mampu milik ini melibatkan kemudahan pembiayaan perumahan yang disediakan oleh BSN di bawah Skim Perumahan Belia (SPB) dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) yang telah memenuhi kriteria kelayakan Cagamas untuk rumah mampu milik.

Sukuk SRI Cagamas, yang diberi penarafan Faedah Sosial Tahap 1<sup>1</sup> oleh RAM Sustainability Sdn Bhd, menarik pelbagai pelabur termasuk pelabur institusi, bank dan badan berkanun, serta membolehkan Cagamas menetapkan harga penerbitannya secara kompetitif melebihi Sekuriti Kerajaan Malaysia yang sepadan.

Mengulas mengenai penerbitan Sukuk SRI tersebut, Kameel menambah, “Penerbitan ini mencerminkan kedayaatahanan terbitan kami walaupun adanya kebimbangan berterusan yang berpunca daripada ketidakpastian pasaran global dan ekonomi.”

Sehingga kini, Cagamas secara kumulatif telah menerbitkan bon dan Sukuk yang berkaitan kemampunan sejumlah RM3.4 bilion di bawah Program CMTN/IMTN.

**- TAMAT-**

---

<sup>1</sup> Penarafan Faedah Sosial yang diberikan kepada pembangunan perumahan mampu milik oleh Cagamas dan penjanaan pekerjaan melalui solusi SME yang menyokong manfaat sosial di peringkat kebangsaan, dengan skala, fokus, dan tempoh yang penting.

## **Mengenai Cagamas**

Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada 1986 untuk menggalakkan tebaran pemilikan rumah yang lebih luas dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Ia menerbitkan bon dan sukuk untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada institusi kewangan dan bukan institusi kewangan. Penyediaan mudah tunai kepada institusi kewangan pada kos yang berpatutan kepada Peminjam utama pembiayaan perumahan menggalakkan pengembangan pembiayaan untuk rumah pada kos yang berpatutan.

Model Cagamas memperoleh pujian daripada Bank Dunia sebagai kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas merupakan penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas Kerajaan Malaysia dan penerbit bon korporat dan sukuk AAA terbesar dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Kumpulan Cagamas telah mengumpulkan dana secara kumulatif kira-kira RM420.2 bilion bon korporat dan sukuk serta saluran pembiayaan lain.

Bon dan sukuk Cagamas terus diberikan penarafan tertinggi AAA/Stabil/P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/MARC-1 dan AAA<sub>IS</sub>/MARC-1<sub>IS</sub> oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, menandakan kualiti kreditnya yang kukuh. Cagamas juga dipuji di peringkat antarabangsa dan telah diberikan penarafan penerbit jangka panjang dalam mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody's Investors Service Inc. yang selaras dengan penarafan kedaulatan Malaysia.

## **Cagamas Berhad**

No. Pendaftaran Cagamas Berhad 198601008739 (157931-A)

Tingkat 32, The Gardens North Tower

Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra

59200 Kuala Lumpur

Tel: +603 - 2262 1800 | Faks: +603 - 2282 9125

[www.mycagamas.com](http://www.mycagamas.com).

## **Pertanyaan Media**

Leanne Susau

Tel: +603 - 2262 1719

[communications@cagamas.com.my](mailto:communications@cagamas.com.my)

Lucia Wee

Tel: +603 - 2262 1868

[communications@cagamas.com.my](mailto:communications@cagamas.com.my)

## **Mengenai Bank Simpanan Nasional (BSN)**

Didorong oleh misi untuk menyampaikan kehidupan yang lebih baik dalam jangkauan semua rakyat Malaysia, BSN komited untuk menyediakan perkhidmatan kewangan secara menyeluruh dan komprehensif kepada semua rakyat Malaysia. BSN bertekad untuk memberi rakyat Malaysia peluang yang saksama untuk mencapai masa depan kewangan yang lebih baik dan cerah, serta menjadi gerbang laluan untuk kehidupan yang lebih baik. Untuk merealisasikannya, BSN memanfaatkan kepakaran dan pengalaman rangkuman kewangan, disokong oleh produk dan perkhidmatan yang komprehensif disampaikan melalui pelbagai titik sentuh di semua kawasan di negara ini.

Ditubuhkan sejak 1974, BSN kini mempunyai 7,538 kakitangan dan disokong oleh 389 cawangan, 39 Pusat Mikro Kewangan, 574 Mesin Teler Automatik (ATM), 149 Mesin Deposit Wang Tunai (CDM), 257 Mesin Kitar Semula Tunai (CRM), 8 Cawangan Bank Bergerak (CBB) – 4 di Sabah, 3 di Sarawak dan 1 di Pahang serta lebih 2,400 Ejen Bank BSN (EB BSN) di seluruh negara. BSN mempunyai lebih 9 juta pelanggan di seluruh Malaysia dengan pendeposit runcit berjumlah RM19.76 bilion (sehingga Oktober 2023).

BSN menawarkan pelbagai produk Konvensional dan Islamik termasuk produk Simpanan, Pengurusan Kewangan, Pembiayaan Mikro dan Peribadi serta Kad Kredit.

Layari laman sesawang BSN [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Mohd Rohemy Rosslan**

Bahagian Perhubungan Awam,  
Jabatan Komunikasi Strategik BSN  
Tel: 03-2162 3222 samb.16009/ 0123512729  
E-mel: rohemy@bsn.com.my

**Tengku Ainifarihin Tengku Abdullah**

Bahagian Perhubungan Awam,  
Jabatan Komunikasi Strategik BSN  
Tel: 03-2162 3222 samb.13030/ 0174477423  
E-mel: ainifarihin@bsn.com.my